

Bekas Mufti Selangor, Hassan meninggal dunia

SHAH ALAM 13 Sept. - Bekas Mufti Selangor, Datuk Hassan Omar, 86, meninggal dunia di Hospital Pakar Damansara, Petaling Jaya pada pukul 2.25 pagi ini akibat sakit jantung.

Allahyarham yang merupakan mufti negeri kelima dari tahun 1976 hingga 1985 meninggalkan seorang balu, Datin Maimunah Mohd. Nor, 81, enam anak lelaki dan tiga perempuan berusia antara 42 hingga 60 tahun.

Menurut menantunya, Roslina Hashim, 40, kematian Allahyarham amat mengejutkan kerana bapa mertuanya tidak pernah mengalami sakit jantung sebelum ini.

"Bapa mertua saya tidak pernah mempunyai sejarah sakit jantung, kematiannya akibat penyakit ini amat mengejutkan kami sekeluarga.

"Namun, Allahyarham sempat berpesan sebelum ini menyuruh semua ahli keluarga berpegang kepada syariat dan jangan tinggalkan solat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas sembahyang jenazah Allahyarham di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini hari ini.

Turut hadir menziarahi jenazah Allahyarham ialah Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd. Tamyas Abdul Wahid.

Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di Makam Diraja, Seksyen 5 di sini kira-kira pukul 11.40 pagi.

Anak Allahyarham, Zaim, 42, pula memberitahu, bapanya dimasukkan ke wad hospital berkenaan sejak Ahad lalu sebelum meninggal dunia awal pagi ini.

Katanya, kesihatan bapanya sebelum ini tidak memuaskan dan sering sakit sejak lebih sebulan lalu.

Allahyarham dilahirkan pada 16 November 1922 di Kuang, Selangor.

Allahyarham menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Kuang sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Agama Arab Kuang.

Pada 1939, Allahyarham melanjutkan pelajaran ke Madrasah Dinniah, Bukit Tinggi, Indonesia selama tiga tahun.

Allahyarham kemudian meneruskan pengajian di Sekolah Normal Islam di Padang, Indonesia pada 1942 tetapi selama enam bulan sahaja berikutan serangan tentera Jepun ke atas republik tersebut.